

**TEKS UCAPAN**  
**PNC JIM WAKIL**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**SIRI PROGRAM COACHING NLP UNTUK PEMIMPIN MASYARAKAT**  
**DI NEGERI MELAKA**

*19 Mei 2016 (Khamis), 3.00 petang, Dewan UTeM 1, Kampus Teknologi*

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

**Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ir. (Dr.) Hj. Idris bin Haji Haron**  
Ketua Menteri Melaka

**Yang Berhormat Datuk Latipah binti Omar**  
Exco Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan Negeri  
Melaka

**Yang Berhormat Datuk Ab Wahab bin Ab Latif**  
ADUN Durian Tunggal

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM

Para peserta program, tuan-tuan, puan-puan, hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Pertama sekali, saya ingin sampaikan salam dari Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor UTeM yang tidak dapat bersama-sama dalam majlis pada petang ini kerana beliau berada di Terengganu bagi menghadiri Mesyuarat Naib Canselor Universiti Awam Malaysia. Beliau berharap agar program ini berjalan dengan baik, mencapai objektifnya dan mendapat keberkatan dari Allah S.W.T.

**Yang Amat Berhormat Datuk Seri, Hadirin dan Hadirat sekalian,**

2. Pada petang yang indah ini, izinkan saya untuk menyampaikan ucapan Y.Bhg. Datuk Naib Canselor.
3. Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada hari yang indah ini, kita dapat dipertemukan dalam **Majlis Penutup Coaching NLP Untuk Pemimpin Masyarakat di Negeri Melaka** pada petang ini.
4. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ir. (Dr.) Hj. Idris bin Haji Haron, Ketua Menteri Melaka di atas kesudian meluangkan masa untuk hadir ke majlis pada petang ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Amat Berhormat Datuk Seri ke majlis ini merupakan pacaran komitmen kepimpinan tertinggi

Negeri Melaka dalam mebangunkan modal insan yang kompeten dan berprestasi tinggi di negeri ini.

**Yang Amat Berhormat Datuk Seri, Hadirin dan Hadirat sekalian,**

5. Neuro Linguistic Programming atau NLP merupakan istilah yang bukan lagi jarang-jarang didengari pada masa ini. Sejak ianya diperkenalkan pada pertengahan 1970an, kaedah dan pendekatan NLP telah banyak diadaptasi dan diaplikasikan dalam sesebuah organisasi mahupun sesebuah badan bagi tujuan yang tertentu. Pendekatan secara total yang merangkumi kaedah sains dan seni ini telah terbukti keberkesanannya sehingga ada yang manyifatkan NLP merupakan alat minda yang paling hebat di dunia ini.
6. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sendiri telah mengadaptasi kaedah NLP ini bagi memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran di Universiti ini. Sebagai makluman Yang Amat Berhormat Datuk Seri dan semua, UTeM telah menghantar seramai 44 orang staf yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi

Universiti dan wakil-wakil dari setiap fakulti bagi menghadiri Kursus Kejurulatihan Certified Neuro Linguistic Program selama seminggu yang dikendalikan oleh Akademi NLP Malaysia dengan penglibatan sama dari pihak Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Apa yang membanggakan, UTeM telah menghantar penyertaan tertinggi di dalam kursus ini berbanding Universiti Awam dan Institusi Pendidikan yang lain di negara ini.

7. Lebih dari itu, UTeM turut mengenalpasti lima (5) orang staf untuk menjalani kursus lanjutan certified NLP bagi memastikan bidang NLP ini dikuasai sepenuhnya oleh UTeM sekaligus dapat melahirkan sumber dalaman yang memiliki kepakaran tinggi dalam bidang ini.

**Yang Amat Berhormat Datuk Seri, Hadirin dan Hadirat sekalian,**

8. Penglibatan aktif UTeM telah menarik minat Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, lantas menjadikan UTeM sebagai hub kecemerlangan NLP bagi wilayah selatan di negara ini. UTeM juga sering dijadikan sebagai tempat rujukan utama oleh pihak Kementerian bagi mendapatkan input-input penting untuk meningkatkan lagi keupayaan sesuatu pelaksanaan dan keberkesanan sesuatu keputusan sama ada dalam konteks akademia mahupun kemasyarakatan.
9. Melihat kepada kelebihan ini, UTeM telah menyusun beberapa inisiatif strategik yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kecemerlangan dan kegemilangan Universiti ini selain daripada berkongsi segala kepakaran dan kelebihan yang dimiliki bersama masyarakat setempat. Alhamdulillah, sejak tahun 2015, UTeM telah berjaya melaksanakan program NLP kepada lebih daripada 2,000

orang pelajar dan staf bagi meningkatkan lagi keyakinan dan kecemerlangan diri mereka sama ada dalam bidang akademik, penyelidikan, keusahawanan, pentadbiran dan sebagainya.

10. Perihal kemasyarakatan juga tidak terkecuali untuk diberikan perhatian penting dalam agenda pembangunan Universiti, di mana UTeM telah menetapkan sasaran seramai 1,600 masyarakat setempat mendapat pendedahan dan perkongsian berkenaan ilmu NLP menjelang tahun 2021, seterusnya seramai 3,500 masyarakat menjelang tahun 2026.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

11. Alhamdulillah, pada hari ini hasrat untuk melaksanakan program *coaching* NLP kepada masyarakat telah berjaya direalisasikan dengan penglibatan seramai 150 orang pemimpin masyarakat wanita dari 6 kawasan parlimen di Negeri Melaka. Program yang



julung kalinya dianjurkan secara bersama antara Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat UTeM dan Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Melaka ini diharapkan dapat meningkatkan lagi keyakinan dan kecemerlangan diri untuk ke arah kepimpinan yang lebih berkesan. Para peserta juga berupaya mengaplikasikan kaedah NLP seperti mana yang telah dikongsikan sepanjang program ini dijalankan bagi membantu individu dan kumpulan yang dipimpin untuk ke tahap yang lebih berjaya, lebih baik, lebih cemerlang dan gemilang.

12. Di samping itu, penganjuran program ini juga secara tidak langsung memberi peluang kepada para pemimpin masyarakat untuk mengenali UTeM dengan lebih dekat lagi. Menjadi keutamaan kami agar penubuhan UTeM di negeri ini dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat di Negeri bertuah Melaka ini. UTeM dari masa ke semasa akan sentiasa berusaha memastikan kehadirannya di negeri ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat setempat di negeri ini.

**Yang Amat Berhormat Datuk Seri, Hadirin dan Hadirat sekalian,**

13. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri khususnya Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Melaka di atas kerjasama baik sehingga program ini dapat direalisasikan dengan jayanya. Syabas dan tahniah juga kepada para peserta program ini kerana telah berjaya mengharungi program seharian ini, yang saya yakini telah menerima satu ilmu, pengetahuan dan pengalaman yang "baru" dan begitu bermakna.
14. Sesungguhnya kejayaan yang hadir dalam diri kita terletak kepada hasil usaha dan kegigihan dalam mentransformasikan minda kita untuk meletakkan diri yang lebih baik daripada sebelumnya. Diharapkan semangat tinggi yang telah ditanamkan di dalam diri kita ini akan terus disemaikan dan didoakan agar kita akan memperoleh kejayaan pada masa hadapan. Insha Allah.

15. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Datuk Seri Ketua Menteri Melaka dan Exco Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan Negeri Melaka, ADUN Durian Tunggal, JKKK di atas kerjasama baik dan sokongan tidak pernah jemu dalam menjayakan usaha—usaha murni seperti ini.
16. Tidak dilupakan, sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program yang bermanfaat ini.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth*.Terima kasih.